



Amalan Semasa Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Hukuman Alternatif Pemulihan Menurut Undang-Undang Syariah di Malaysia

Hukuman Alternatif Jenayah Syariah

Current Practice of Implementation and Enforcement of Alternative Sentences on Rehabilitation According to Shariah Law in Malaysia

01

NURHIDAYAH BINTI AZAHARI
(Corresponding Author)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi, Selangor.
nurhidayahazahari93@gmail.com

Submitted: 17 August 2022
Revised: 28 September 2022
Accepted: 28 October 2022
E-Published: 31 October 2022

ZANARIAH BINTI DIMON
Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi, Selangor
zanariah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Hukuman sedia ada di Mahkamah Syariah pada hari ini adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984. Akta ini jelas memperuntukkan kepada hukuman maksima tiga tahun penjara, denda RM5000 atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman berdasarkan kepada had bidang kuasa ini hampir mencapai empat dekad pelaksanaannya. Kesalahan jenayah syariah khususnya yang melibatkan kesuilaan pada hari ini dilihat semakin memuncak seiring dengan arus permodenan teknologi yang semakin meluas. Ekoran daripada itu, hukuman yang diperuntukkan hampir empat dekad ini dilihat semakin kurang relevan dan sebagai langkah mengurangkan kadar jenayah syariah, keperluan untuk melaksanakan satu bentuk hukuman gantian iaitu hukuman alternatif pemulihan adalah penting untuk dikuatkuasakan secara menyeluruh. Kertas ini adalah untuk menjelaskan amalan semasa pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan kepada pesalah syariah di empat negeri yang telah dipilih. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan mengaplikasikan instrumen kajian perpustakaan dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan dan kajian-kajian lepas. Manakala bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat, kaedah temu bual telah diaplikasikan. Kajian ini juga telah menggunakan analisis secara induktif. Justeru itu, hasil kajian akan





membincangkan tentang tahap pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif pemulihan menurut undang-undang syariah di Malaysia pada masa kini yang meliputi empat negeri yang dipilih oleh pengkaji iaitu negeri Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor.

Kata kunci: Amalan, Hukuman Alternatif, Pemulihan, Pesalah Syariah, Penguatkuasaan

ABSTRACT

Basically, the Syariah sentences in syariah courts are subject to the Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Amendment) 1984 which provide a maximum penalty of three years imprisonment, fines up to RM5000 and whipping up to six lashes or a combination. However, the execution of the sentence is already practicing for almost four decades. Due to modernization, moral offences are significantly increasing and the current implementation of the penalty are irrelevant as a measure to reduce the moral offences. Thus, there is a need to implement an alternative sentence for rehabilitation. This paper aims to explain and discuss the current practice and enforcement of an alternative sentences to syariah offender in Selangor, Pulau Pinang, Kelantan and Johor. The methodology is using a qualitative research which include library based research on the past studies. While for the purpose of collecting data and information, an interview has been conducted. This studies also applied an inductive method for the analysis. Hence, the result of the studies discuss and elaborate the current practice and enforcement of alternative sentences for rehabilitation to syariah offender according to syariah law in Malaysia particularly on four selected states which are Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor.

Keyword: Alternatives Sentences, Enforcement, Rehabilitation, Practice, Syariah Offender

PENGENALAN

Amalan perundangan dan penghukuman di Malaysia pada hari ini adalah termasuk kepada hukuman takzir. Asasnya, perundangan jenayah di Malaysia terbahagi kepada dua sistem keadilan aitu jenayah sivil yang tertakluk di bawah Persekutuan dan jenayah syariah yang tertakluk di bawah negeri. Perbincangan kertas kerja ini akan memfokuskan aspek jenayah syariah berkaitan dengan salah satu bentuk hukuman selain hukuman yang sedia ada diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa jenayah) 1965 (Pindaan)1984 iaitu hukuman alternatif. Hukuman alternatif merupakan salah satu cabang kepada hukuman takzir apabila bentuk dan juga jenis kesalahan serta hukumannya tidak dinyatakan secara jelas menurut al-Quran dan as-Sunnah namun ia ditentukan oleh badan pemerintah. Dalam memperkasakan hukuman alternatif, peruntukan mengenainya telah termaktub dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri. Namun begitu, sejauh manakah peruntukan tersebut telah dimanfaatkan? Justeru itu, kajian ini akan mengupas mengenai amalan semasa pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif pemulihan kepada pesalah syariah.



SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian ini adalah mengenai amalan penghukuman jenayah syariah di Malaysia yang mengkhususkan kepada amalan dan pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan reka bentuk fenomenologi. Kajian ini akan menyentuh mengenai amalan pelaksanaan dan penguatkuasaan semasa hukuman alternatif pemulihan menurut undang-undang syariah di Malaysia pada masa kini. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan serta analisis dokumen seperti buku, artikel, jurnal serta statut perundangan berkaitan amalan pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif pemulihan menurut undang-undang syariah di Malaysia. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji telah menemubual beberapa informan bagi memperolehi data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah menggunakan temu bual secara mendalam dengan memfokuskan aspek kajian.

PUNCA KUASA DAN BIDANG KUASA HUKUMAN JENAYAH SYARIAH

Asasnya, punca kuasa kepada amalan pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman jenayah syariah di mahkamah syariah telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual kesembilan, Senarai II Senarai Negeri. Bagi bidang kuasa penghukuman jenayah syariah, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 telah memperuntukkan hukuman maksima sebanyak tiga tahun pemenjaraan, RM 5000 denda dan enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman. Ini telah dijelaskan melalui Seksyen 2 Akta tersebut yang memperuntukkan bahawa:

Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Keterbatasan had hukuman di mahkamah syariah menuntut kepada kearifan dan kebijaksanaan seseorang hakim syarie untuk memutuskan hukuman kepada pesalah syariah dengan melihat kepada kesesuaian bentuk hukuman dan suai manfaat pesalah itu sendiri secara adil. Dalam memutuskan hukuman, keadilan adalah teras



utama yang perlu dititikberatkan dan dituntut oleh syarak (Azizah Mohd Rapini, et.al, 2017). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai penegak keadilan kerana Allah (ketika) menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adil lah. Kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan aoa yang kamu lakukan.

(Al-Maidah, 5: 8)

Proses keadilan di mahkamah syariah merangkumi dokumentasi, perbicaraan dan dan penghukuman. Apabila sesuatu hukuman telah diputuskan oleh hakim syarie, maka proses seterusnya yang perlu dilalui oleh pesalah adalah pelaksanaan hukuman tersebut (Hasnizam Hashim, et.al, 2021). Dalam memutuskan hukuman, hakim syarie diberikan ruang untuk mengadili pesalah di hadapannya dengan budi bicaranya dengan mengambil kira ejaan watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah seperti mana peruntukan berikut:

Jadual 1: Peruntukan Berkaitan Latar Belakang Pesalah Jenayah Syariah

Statut Peruntukan	Peruntukan Seksyen
Seksyen 97 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003	(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak,
Seksyen 97 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004	(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak,
Seksyen 97 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri	(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah



Kelantan) 2002	dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak,
Seksyen 97 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003	(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak,

Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan yang dinyatakan melalui Seksyen 97 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor, seorang hakim syarie dalam memutuskan hukuman kepada pesalah hendaklah mengambil kira sui manfaat bentuk hukuman kepada pesalah. Kesan daripada peruntukan tersebut juga secara tidak langsung memberi ruang kepada hakim syarie untuk menggunakan budi bicaranya (Nur Zulfah Md Abd Salam, et.al, 2021) dalam memutuskan hukuman alternatif (Siti Aisyah Samudin, 2022) kepada pesalah syariah.

KONSEP HUKUMAN ALTERNATIF

Kadar hukuman yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 telah menuntut kepada suatu pembaharuan dan transformasi amalan penghukuman jenayah syariah seiring dengan arus permodenan masa kini berikutan kadar hukuman yang telah diperuntukkan oleh Akta 355 telah pun hampir mencapai empat dekad penggunaannya. Dalam usaha untuk memperkasakan lagi amalan penghukuman di mahkamah syariah, hukuman alternatif dilihat sebagai salah satu bentuk amalan penghukuman yang relevan dan bersesuaian untuk diaplikasikan di mahkamah syariah memandangkan skop bidang kuasa di mahkamah syariah di Malaysia ini hanya terbatas kepada undang-undang diri (*personal law*) (Hasnizam Hashim, et.al, 2017)

Teorinya, hukuman alternatif dapat ditakrifkan sebagai satu bentuk hukuman gantian (Arifah Rahimah Ismail, 2014) yang menggantikan hukuman asal. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh '*Uqubah Badliyyah*' iaitu hukuman asal yang digantikan kepada hukuman lain kerana tidak memenuhi syarat asal penghukuman (Abdul Qader 'Audah, 1993).



Dari sudut konsep, hukuman alternatif merupakan satu bentuk hukuman yang selain daripada hukuman sedia ada yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 (Siti Zubaidah Ismail, 2011). Hukuman alternatif juga dapat ditakrifkan sebagai hukuman gantian yang mengenyahkan hukuman asal (Jasri Jamal, et.al, 2016). Selain itu, hukuman alternatif juga dapat ditakrifkan sebagai satu bentuk hukuman gantian kepada hukuman sedia ada yang bermatlamatkan pemulihan (Nurhidayah Azahari, et.al, 2021). Secara mudahnya, hukuman alternatif adalah satu bentuk hukuman pilihan lain yang boleh diputuskan kepada pesalah bagi kesalahan-kesalahan tertentu selain daripada hukuman asal (Azizah Mat Rashid, et.al, 2021).

Takrifan-takrifan hukuman alternatif dapat dikuatkan lagi dengan dapatan hasil temu bual bersama informan kajian, sebagai:

“apa sahaja hukuman selain daripada yang dinyatakan itu bagi saya adalah hukuman alternatif”

(Informan 1, 14 September 2021)

“Hukuman gantian lah. Pada saya yang lebih sesuai, gantian lah kepada hukuman yang sebenar”

(Informan 2, 9 Februari 2022)

“bagi saya lebih sesuai, alternatif itu gantian”

(Informan 3, 16 Februari 2022)

“merupakan satu hukuman ganti kepada hukuman denda dan penjara”

(Informan 4, 30 Mac 2022)

Kepelbagaian takrifan-takrifan hukuman alternatif yang diberikan oleh informan sebenarnya mempunyai maksud yang sama serta selari dengan amalan hukuman alternatif yang sedia ada setakat yang dilaksanakan contohnya di negeri Selangor.

MATLAMAT HUKUMAN ALTERNATIF

Penghukuman pada asasnya mempunyai justifikasinya tersendiri untuk diputuskan kepada pesalah. Pembalasan, pencegahan dan pemulihan antara justifikasi utama perlu yang dititikberatkan dalam amalan penghukuman jenayah syariah di Malaysia. Tujuan dan matlamat utama hukuman dilaksanakan adalah sebagai pembalasan di atas kesalahan yang dilakukan selain untuk memulih dan mencegah pesalah daripada berterusan mengulangi kesalahan. Secara tidak langsung, ia turut berperanan sebagai pencegahan kepada orang lain daripada melakukan perkara yang sama untuk memelihara kepentingan awam (Ahmad Fathi Bahnasi, 1989).

HUKUMAN ALTERNATIF PEMULIHAN

Pemulihan merupakan satu perbuatan untuk memulihkan atau pengembalian kepada keadaan yang asal semula (Kamus Dewan Bahasa). Pelaksanaan hukuman alternatif



pemulihan dilihat mampu memberikan peluang kepada pesalah untuk menginsafi dan menyesali serta memperbaiki diri pesalah itu sendiri selain dapat mengelakkan implikasi negatif hukuman pemenjaraan (Jasri Jamal, et.al, 2016). Kepentingan melaksanakan hukuman alternatif berbentuk pemulihan adalah bertepatan dengan matlamat utama hukuman menurut syarak bagi memperbaiki semula diri pesalah (Nurhidayah Azahari, et. al 2021). Elemen pemulihan perlu diterapkan dalam amalan penghukuman bagi membentuk semula akhlak dan jati diri seseorang pesalah yang telah melakukan kesalahan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Keperluan untuk memperkasakan lagi amalan pelaksanaan dan penguatkuasaan hukuman alternatif di Malaysia pada hari ini adalah kerana hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan)1984 sehingga hari ini dilihat kurang memberikan impak positif kepada pesalah syariah dan juga masyarakat (Adibah Bahori, et. al, 2017). Hal ini dapat dilihat, krisis akhlak di kalangan masyarakat Islam pada hari ini semakin meningkat dan berleluasa (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et.al, 2022) yang membawa kepada perlunya pengaplikasian amalan penghukuman alternatif di mahkamah syariah. Selain itu, pemakaian Akta 355 juga sudah menjangkau hampir empat dekad amalannya dan dilihat semakin kurang relevan dari sudut keberkesanan impak positif.

Namun begitu sehingga kini, masih tiada sebarang perubahan atau peningkatan takat kuasa hukuman di mahkamah syariah (Jasri Jamal, et.al, 2014). Tambahan lagi, dengan peruntukan takat hukuman yang sedia ada ini, ia juga dilihat kurang menimbulkan kegerunan kepada masyarakat malahan hukuman bersifat material seperti denda yang telah menjadi suatu hukuman keutamaan amalan penghukuman di mahkamah syariah (Nurhidayah Azahari, et.al, 2021) dan sebagai satu amalan kebiasaan (Norliana Zaimon, et.al, 2018).

Secara tidak langsung, hukuman denda tersebut akan dianggap remeh berikutan setiap kesalahan hanya akan dijatuhkan hukuman denda sahaja (Nurhidayah Azahari, et.al, 2021) selain hukuman pemenjaraan kurang diaplikasikan kerana ketiadaan penjara khusus bagi pesalah syariah. Oleh itu, dengan menguatkuasakan perintah hukuman alternatif, pesalah bukan sahaja akan dihukum, malah diberikan ruang dan peluang untuk menjalani proses-proses pemulihan.

AMALAN DAN PENGUATKUASAAN SEMASA PELAKSANAAN HUKUMAN ALTERNATIF PEMULIHAN DI MALAYSIA

Usaha untuk memperkasakan lagi perundangan jenayah syariah perlu dipertingkatkan (Zurul Iman, et.al, 2019) demi mendepani pelbagai cabaran dan juga bagi melindungi kemaslahatan ummah. Dengan adanya satu bentuk hukuman yang mampu memulihkan pesalah, secara tidak langsung ia menyumbang kepada kesedaran di kalangan pesalah dan masyarakat.



Punca kuasa dan peruntukan mengenai hukuman alternatif telah diperuntukkan dalam akta atau enakmen jenayah syariah di setiap negeri di Malaysia yang mengkhususkan mengenai hukuman untuk menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan. Justifikasi pemulihan perlu diterapkan kepada pesalah syariah bagi mencapai matlamat dan objektif penghukuman alternatif untuk memberikan pemulihan yang berkesan kepada pesalah syariah. Hukuman berbentuk pemulihan merangkumi aspek kehidupan, keluarga dan masyarakat (Mohd Afizul Hakim Ibakarim, 2017). Peruntukan berkaitan hukuman berbentuk pemulihan dapat dilihat dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri sebagaimana beberapa peruntukan enakmen bagi negeri-negeri berikut:

Jadual 2: Peruntukan Berkaitan Hukuman Pemulihan

Statut Peruntukan	Peruntukan Seksyen
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Seksyen 54: Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah diluluskan
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996	Seksyen 55: Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan Seksyen 56: Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1 (Kelantan) 2019	Seksyen 64: Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah terhadap orang yang disabitkan ke pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam atau rumah kebajikan dsb. Seksyen 65: Kuasa Mahkamah membuat tambahan perintah hukuman atau ganti hukuman untuk menjalankan khidmat komuniti
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997	Seksyen 55: Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan Seksyen 56: Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan

Peruntukan untuk menghantar pesalah ke pusat pemulihan telah diperuntukkan dan ia bergantung sepenuhnya kepada pertimbangan hakim syarie dalam memutuskan hukuman alternatif berbentuk pemulihan kepada pesalah syariah. Namun begitu, amalan dan pelaksanaannya juga dipengaruhi oleh beberapa faktor yang di antaranya adalah dengan:

Penubuhan Pusat Pemulihan

Dalam usaha untuk memperkasakan hukuman alternatif di Malaysia, setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang telah menubuhkan pusat pemulihan yang digazetkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sejak tahun 2001 iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Ulu Yam. Ini disokong oleh informan yang menyatakan bahawa:



"...kalau di Selangor yang popular memang itu lah, di hantar ke Baitul Iman atau pun Baitul Ehsan."

(Informan 1, 14 September 2021)

Meskipun negeri Selangor melaksanakan hukuman alternatif pemulihan namun pelaksanaan dan penguatkuasaannya adalah bergantung sepenuhnya kepada budi bicara seseorang hakim syarie dan penguatkuasaannya disokong sepenuhnya oleh MAIS, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga pusat pemulihan itu sendiri. Modul-modul pemulihan juga turut disediakan oleh MAIS bagi memulihkan pesalah syariah. Sebagai contoh, Modul Transformasi Ehsan telah diaplikasikan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (Nurul Husna Mansor, et.al, 2017) untuk mentransformasi prestasi sendiri pesalah daripada kurang baik kepada lebih baik selain memperbaiki kompetensi diri pesalah.

Satu kajian mengenai proses pemulihan akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan juga telah dibuat dan hasil kajian mendapati bahawa Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan berperanan besar dalam memberi perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan menyediakan latihan vokasional (Nurul Husna Mansor, etl.al, 2017) kepada pesalah-pesalah wanita.

Manakala di negeri Johor, pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan untuk menghantar pesalah ke pusat pemulihan adalah berdasarkan kepada permintaan atau rayuan pesalah untuk dihantar ke pusat pemulihan persendirian. Hal ini telah dijelaskan oleh informan ;

"Pelaksanaannya ada, tetapi tidak banyak. Kita akan buat berdasarkan kepada permintaan pesalah atau pun keluarga pesalah.."

(Informan 4, 30 Mac 2022)

Dari sudut fasiliti pusat pemulihan pula, hanya di negeri Selangor sahaja yang mempunyai pusat pemulihan yang telah digazetkan. Manakala di tiga negeri lain pula, hasil dapatan yang diperolehi melalui sesi temu bual mendapati negeri-negeri tersebut masih belum ada sebarang pusat-pusat pemulihan khusus yang digazetkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ini dikuatkan lagi dengan pernyataan Informan-informan kajian yang menjelaskan bahawa :

"Setakat ini belum ada"

(Informan 2, 9 Februari 2022)

"Tiada, tiada. Kita letak bawah Majlis Agama Islam Kelantan"

(Informan 3, 16 Februari 2022)

"Tiada, tetapi cadangan itu ada untuk buat. Ada, tetapi tempat tiada lagi. Tidak digazetkan lagi."

(Informan 4, 30 Mac 2022)



Kewujudan pusat-pusat pemulihan yang digazetkan sebenarnya dilihat berperanan besar untuk menguatkuasakan pelaksanaan hukuman alternatif di setiap negeri di Malaysia supaya pelaksanaannya lebih efisien. Skop bidang kuasa mahkamah pula adalah terhad untuk memutuskan hukuman dan mendengar laporan proses pemulihan namun tidak mencakupi hal ehwal pengurusan berkaitan proses pemulihan pesalah syariah itu sendiri.

Penguatkuasaan peruntukan

Seseorang hakim syarie dalam memutuskan hukuman perlu untuk menitikberatkan elemen keadilan seiring dengan suai manfaat seseorang pesalah. Hal ini berikutan amalan penghukuman di mahkamah syariah pada hari ini menyaksikan *trend* hukuman denda sebagai satu bentuk hukuman keutamaan (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et.al, 2021) khususnya di tiga negeri yang tidak mempunyai pusat pemulihan yang digazetkan di bawah MAIN. Ini seperti yang telah dijelaskan oleh informan yang menyatakan bahawa:

“Hukuman denda lah. Gagal bayar, penjara. Macam itu”

(Informan 2, 9 Februari 2022)

“Denda, haa dendalah. Penjara pun kita sangat-sangat kurang lah”

(Informan 3, 16 Februari 2022)

“Ya , denda atau hukuman penjara. Dua sahaja”

(Informan 4, 30 Mac 2022)

Peruntukan yang sedia ada jika dimanfaatkan dan diaplikasikan kepada pesalah syariah, ia secara tidak langsung akan mengubah *trend* hukuman denda di mahkamah syariah sekaligus dapat memberi manfaat kepada pesalah itu sendiri sepertimana di negeri Selangor. Di negeri Selangor, peruntukan mengenai pengkomitan pesalah ke pusat pemulihan, telah dimanfaatkan sebaiknya dengan sokongan MAIS, JAIS dan juga pusat pemulihan itu sendiri.

Bentuk-bentuk hukuman pemulihan

Asasnya, bentuk hukuman pemulihan yang termaktub di dalam statut peruntukan adalah tertakluk seperti di Jadual 2 iaitu mengkomitkan pesalah di pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan. Penempatan pesalah di pusat pemulihan juga adalah salah satu proses pemulihan (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et.al, 2021). Hal ini kerana, apabila pesalah dikomitkan di pusat pemulihan, pesalah tersebut akan tertakluk kepada peraturan-peraturan di pusat pemulihan dalam menjalani proses pemulihan dengan mengikuti modul-modul yang disediakan (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et.al, 2021).



Sebagai contoh, kajian Nurul Husna Mansor, et.al (2017) telah membincangkan mengenai proses pemulihan akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan hasil kajian mendapati institusi tersebut telah menyediakan program-program berkaitan penguasaan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan ibadah, penguatkuasaan peraturan dan aktiviti-aktiviti lain (Nurul Husna Mansor, et.al, 2017) berdasarkan Modul Transformasi Ehsan yang dilihat mampu memberikan impak positif kepada pesalah berbanding hukuman asal.

Hukuman perintah khidmat masyarakat juga telah dikaji sejak beberapa tahun yang lepas mengenai bagaimana prospek pelaksanaannya. Arifah Rahimah (2014) dalam kajiannya mendapati bahawa sebenarnya hukuman perintah khidmat masyarakat mempunyai ruang dan peluang yang cerah untuk diaplikasikan sepertimana yang dilaksanakan di mahkamah sivil melalui peruntukan sedia ada.

Sebagai contoh, dapatan hasil temu bual kajian di negeri Kelantan, penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Kelantan) 2019 telah membawa kepada suatu pembaharuan dan penambahbaikan peruntukan berkaitan dengan prospek hukuman perintah khidmat masyarakat. Informan menjelaskan:

"Seksyen 64 dan Seksyen 65 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Kelantan) 2019 ada dinyatakan tentang hukuman ganti"
(Informan 3, 16 Februari 2022)

Peruntukan khusus berkaitan perintah khidmat masyarakat adalah melalui seksyen 65 EKJS (1) (Kelantan) 2019 yang menyebut:

- (1) *Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang telah ditentukan bagi kesalahan itu atau sebagai ganti hukuman, memerintahkan apa-apa perintah yang wajar atau setelah bon disempurnakan membuat perintah menkehendaki pesalah menjalankan khidmat komuniti, tidak melebihi 240 jam dalam agregat, dalam bentuk sifat dan waktu dan tempat tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah.*
- (2) *Bagi maksud seksyen ini, "khidmat komuniti" ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau arahan untuk kebaikan masyarakat secara am dan termasuk, apa-apa kerja yang telah dijalankan yang melibatkan bayaran kepada pihak penjara atau pihak berkuasa tempatan.*

Namun begitu, meskipun wujud pembaharuan dan penambahbaikan dari sudut peruntukan, kekangan utama yang dihadapi di negeri Kelantan adalah ketiadaan badan pelaksana yang akan dipertanggungjawabkan untuk memantau pesalah menjalani hukuman khidmat komuniti seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 65 EKJS (1) (Kelantan) 2019. Ini dijelaskan oleh informan bahawa:

"...pemantau kena ada lah . siapa yang akan pantau itu?"
(Informan 3, 16 Februari 2022)



Satu kajian oleh Azizah Mat Rashid, et.al (2021) telah mencadangkan pemerkasaan dan pembaharuan hukuman alternatif dengan mewujudkan satu bentuk hukuman menyantuni alam sekitar ekoran wujud beberapa kekangan dalam melaksanakan hukuman alternatif yang di antaranya, ketiadaan pusat pemulihan yang digazetkan. Khidmat perintah masyarakat, kaunseling, kelas fardhu 'ain, kelas pemantapan akidah, kelas kemahiran dan vokasional juga adalah antara proses-proses pemulihan yang boleh dilaksanakan selain menghantar pesalah ke pusat-pusat pemulihan.

Proses pemulihan boleh diperkasakan lagi dengan adanya usahasama pelbagai agensi, antaranya adalah MAIN atau JAIN di setiap negeri itu sendiri dengan melihat contoh amalan di negeri Selangor. Keperluan mempertingkatkan amalan pelaksanaan hukuman alternatif dilihat penting bagi memberikan pemulihan kepada pesalah syariah selain membantu mengurangkan masalah kesusilaan (Shamrahayu A. Aziz, 2020).

KESIMPULAN

Akta 355 pada awalnya telah diperkenalkan dengan takat hukuman enam bulan pemenjaraan, atau RM 1,000 denda atau gabungan kedua-dua hukuman tersebut. Penggubalan pada tahun 1984 telah membawa kepada peningkatan takat bidang kuasa hukuman maksima iaitu tiga tahun pemenjaraan, RM 5,000 denda atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman yang dinyatakan. Namun begitu, takat hukuman yang diperuntukkan oleh Akta 355 kini telah hampir mencapai empat dekad amalannya di mahkamah syariah di Malaysia sehingga penulisan ini dibuat.

Seiring dengan kemajuan zaman hari ini, takat hukuman yang diperuntukkan oleh Akta 355 dilihat semakin kurang relevan memandangkan ia jelas kurang memberikan impak positif kepada pesalah dan juga masyarakat di luar. Punca kuasa pelaksanaannya telah sedia ada diperuntukkan dalam statut namun secara umumnya, amalan berkaitan pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan masih kurang mendapat tempat sebagai hukuman gantian di mahkamah syariah.

Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa negeri Selangor adalah negeri yang sedang aktif mengaplikasikan hukuman alternatif dengan menghantar pesalah menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan berbanding di negeri Pulau Pinang, Kelantan dan Johor. Hal ini berikutan, terdapat pusat pemulihan khusus bagi pesalah syariah yang telah digazetkan di bawah MAIS di negeri Selangor. Manakala di tiga negeri yang lain pula, kekangan utama yang dihadapi dalam usaha untuk melaksanakan hukuman alternatif adalah ketiadaan pusat pemulihan yang digazetkan di bawah MAIN.

Oleh itu, dengan mewujudkan atau menggazetkan pusat atau rumah pemulihan secara tidak langsung akan membuka ruang pelaksanaan hukuman alternatif secara lebih efektif. Hampir semua negeri di Malaysia ini mempunyai peruntukan bahawa Majlis boleh untuk menubuhkan atau menetapkan pusat pemulihan dan seharusnya, peruntukan tersebut dapat dimanfaatkan sebaiknya.



Seterusnya, penambahan bentuk hukuman alternatif yang bersifat pemulihan dalam Akta 355 perlu dicadangkan untuk diimplementasi dan ia boleh dijadikan sebagai salah satu bentuk hukuman keutamaan di mahkamah syariah sepertimana hukuman tiga tahun pemenjaraan, RM 5000 denda atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman. Hal ini berikutan kesalahan berkaitan moral dan kesusilaan adalah jelas terletak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Kareem

Ahmad Fathi Bahnasi, 1989, *al-uqubah fi al-Fiqh al-Islam*, Beirut, Dar al-Syuruq

Abdul Qadir 'Audah, 1993, *Al-Tasyri' al-Jina'i*, al-Islami, Juz 1, Cairo: Maktabah Dar Al-Thurath.

Adibah Bahori, Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail, Nik Khazarita Nik Md Khalib, 2017, *Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak Di Malaysia: Analisis Pendekatan Undang-undang Syariah*, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN 2017)*, Nov 2017, 1-10

Arifah Rahimah Ismail, 2014, *Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah*, *Jurnal Kanun Undang-undang Malaysia*, 26, 192-219.

Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2014, *Perintah Khidmat Masyarakat Menurut Kerangka Syariah*, *International Journal of Islamic Thought*, Vol 6 (Dis), 1-11

Azizah Mat Rashid, Mohd Azhan Yahya, Adibah Bahori, Suhaizad Saifuddin & Mohammad Yuszairi Mohamad Zam Zam, 2021, *Santuni Alam Sekitar: Ke Arah Pemerkasaan Pelaksanaan Hukuman Alternatif*, *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSAL 2021)- Online conference*, April 2021, 575-583.

Azizah Mohd Rapini & Ruzman Mohd Noor, 2017, *Prinsip Keadilan Dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah*, *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 9, USIM

Hasnizam Hashim & Jasri Jamal, 2017, *Pelaksanaan Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan Islam dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri*. UKM, 1-15

Hasnizam Hashim, Hendun Abd. Rahman Shah, Ahmad Syukran Baharuddin, Mualimin Mochammad Sahid & Syaryanti Hussin, 2021, *Program Pemulihan Luar Penjara bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia*, *Islamiyyat 43 (Isu Khas) 2021*, 143-151



- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2014, Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-kes Jenayah Syariah, *'Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 12, (June 2014), 87-103
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2016, Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri, *Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL)*, Vol. 4, 1-16
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat
- Mohd Afizul Hakim Ibakarim, 2017, *Disertasi Sarjana: Hukuman Pemulihan dan Pelaksanaannya dalam Perundangan Islam di Negeri Johor*, Johor, UTM
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Norazla Abdul Wahab & Hammad Mohamad Dahalan, 2021, Mitigasi Di Mahkamah Syariah: Penghakiman Berasaskan Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi, *Journal of Fatwa Management and Research*, (SE2021), Vol 26. No. 2, 227-240
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah, Raihanah Abdullah & Fakhru Adabi Abdul Kadir, 2017, Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah, *Jurnal Hadhari* 9(2) (2017), 261-274
- Nurhidayah Azahari & Zanariah Dimon, 2021, Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda dan Wanita Menurut Undang-undang Islam di Malaysia, *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSIAL 2021)-Online Conference*, April 2021, KUIS, 44-56
- Shamrahayu A. Aziz, 2020, Pengukuhan Bidang Kuasa Mahkamah Melalui Pindaan Akta 355: Antara Harapan dan Realiti, di dalam Mahkamah Syariah di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan, UTM, 31-48
- Siti Aisyah Samudin, 2022, Ulasan Buku: Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia, *Journal of Syariah Law Research (ShLR)*, 147-160
- Siti Zubaidah Ismail, 2011, Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah, *Shariah Law Reports*, [2011 ShLR]
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Salleh, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madiah Syed Husin, Mohamad Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar, 2022, Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian, *Al-Qanathir International Journal of Islamic Studies*, Vol. 26, No. 2, 47-61.



Zurul Iman Zakaria & Zaini Nasohah, 2019, Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Negeri Melaka, *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7(2) , 13-26

Temubual

Informan 1, 14 September 2021, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)

Informan 2, 9 Februari 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP)

Informan 3, 16 Februari 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK)

Informan 4, 30 Mac 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ)

Statut

Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa jenayah) 1965 pindaan 1984

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Kelantan) 2019

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2002

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003